




MANUAL KHUTBAH JUMAAT

**TAJUK ;
SATU KIBLAT
YANG SAMA**



Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"SATU KIBLAT YANG SAMA".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْكَافِلِ : قَدْ نَرَى تَقْلِبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاوَاتِ فَلَنُوَلِّيَنَّكَ قِبْلَةَ
تَرْضَاهَا فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَوَلُوا
وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُو

2

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

3

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! إِتْقُوا اللَّهَ! أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ تُتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ
الْمُتَقْوُنَ.

4

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ
إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

١٦

Alhamdulillah, pada hari Jumaat yang penuh barakah ini, marilah kita bersama-sama mempertingkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa, iaitu dengan sentiasa meneliti segala tindakan sehari-hari kita, agar ianya sentiasa selari dan bertepatan dengan kehendak Allah SWT dan Rasul-Nya, serta jauh daripada tegahan dan larangan-Nya. Mudah-mudahan, kita diberi keberkatan hidup di dunia dan kejayaan di akhirat.

5

Marilah sama-sama kita menghayati khutbah pada hari ini yang bertajuk "**SATU KIBLAT YANG SAMA.**"

6



Kiblat merupakan arah ke Kaabah di Makkah, yang merupakan arah yang dihadap oleh setiap orang Islam ketika mendirikan solat. Secara asasnya, menghadap kiblat merupakan salah satu syarat sah solat dan jika ia ditinggalkan secara sengaja, maka solat yang dilakukan tidak sah. Namun harus diingat, kita mendirikan solat dengan menghadapkan dada ke arah kiblat hanya kerana memenuhi tuntutan Allah SWT dan mencontohi perbuatan Rasulullah SAW dan bukanlah kerana kita menyembah Kaabah seperti dakwaan dangkal sesetengah golongan yang terkeliru.

7

Daripada Malik bin Al-Huwairith Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

8

وَصَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أَصَّلِي

"Dan solatlah kamu sepetimana kamu melihat aku solat."

(Riwayat al-Bukhari).

9

Kiblat umat Islam pada mulanya adalah mengadap ke arah Baitul Maqdis di Palestin yang juga merupakan kiblat kaum Yahudi. Namun Allah SWT telah berkenan memenuhi permintaan Rasullullah SAW untuk menukar kiblat umat Islam ke arah Baitullah al-Haram di Mekah yang terdapat padanya Kaabah,

sebagaimana firman Allah di dalam surah al-Baqarah ayat 144 yang dibacakan pada permulaan khutbah tadi yang bermaksud:

10

"Kerap kali Kami melihat engkau (wahai Muhammad), berulang-ulang menadah ke langit, maka Kami benarkan engkau berpaling mengadap kiblat yang engkau sukai. Oleh itu palingkanlah mukamu ke arah masjid Al-Haraam (tempat letaknya Kaabah); dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya."



Kiblat sebenarnya merupakan suatu simbolik kepada penyatuan hati seluruh umat Islam di seluruh dunia, sama ada bagi mereka yang masih hidup atau bagi mereka yang telah meninggal dunia. Ketika hidup, kita menghadap ke arah kiblat yang sama ketika mendirikan solat. Begitu juga setelah kita meninggal dunia, wajah dan tubuh kita wajib dihadapkan ke arah kiblat yang sama ketika dibaringkan dalam liang lahad.

11

Sedarlah, bahawa penyatuan hati umat Islam yang benar-benar beriman tidak terbatas hanya di dunia semata-mata, ukhuwwah sesama Islam tidak terhenti dengan terhentinya nafas semata-mata, bahkan pertalian tersebut akan kekal berpanjangan sehingga ke alam ahirat sehingga ada sahabat yang beriman sanggup berhujjah demi menyelamatkan sahabatnya yang lain di hadapan Allah SWT.

12

Hadis riwayat Abu Sa'id al-Khudri Radiallahu anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud; Perdebatan salah seorang kalian tentang haknya di dunia, tidaklah sedahsyat perdebatan kaum mukminin kepada Tuhan mereka tentang saudara mereka yang dimasukkan ke neraka.

13

Mereka akan berkata;

رَبَّنَا، إِخْوَانُنَا كَانُوا يُصَلُّونَ مَعَنَا، وَيَصُومُونَ مَعَنَا، وَيَحْجُّونَ مَعَنَا،
فَأَدْخِلْهُمُ النَّارَ، قَالَ: فَيَقُولُ: إِذْهَبُوا فَأَخْرِجُوهُمْ مَنْ عَرَفْتُمْ

14



"Wahai Tuhan kami, dahulu saudara-saudara kami solat bersama kami, berpuasa bersama kami, dan berhaji bersama kami, namun engkau masukkan mereka ke dalam neraka. Rasulullah SAW bersabda; Allah berfirman; pergilah, lalu keluarkanlah siapa yang kalian kenal di antara mereka."

15

(Riwayat al-Nasa'i).

Kiblat merupakan semulia-mulia arah. Selain merupakan syarat sah solat, umat Islam juga digalakkan untuk menghadap ke arah kiblat dalam perkara yang baik seperti ketika berdoa, ketika tidur, ketika membaca al-Quran, ketika menuntut ilmu dan sebagainya.

16

Bagi meletakkan kemuliaan yang selayaknya kepada arah kiblat ini, kita dilarang untuk menghadap atau membelakangkan arah kiblat ketika membuang air kecil atau air besar. Abu Ayyub al-Ansori Radiallahuanhu meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

17

إِذَا أَتَيْتُمُ الْغَائِطَ فَلَا تَسْتَقْبِلُوا الْقِبْلَةَ وَلَا تَسْتَدْبِرُوهَا، وَلَكِنْ شَرِّقُوا
أَوْ غَرِّبُوا

"Apabila kamu hendak membuang air besar maka janganlah menghadap ke arah kiblat dan jangan pula membelakangkannya, sebaliknya menghadaplah ke arah timur atau barat."

18

(Riwayat al-Bukhari).



Di negeri Selangor, Jabatan Mufti Negeri Selangor melalui Bahagian Falak bertanggungjawab membuat penentuan arah kiblat di seluruh masjid, surau kebenaran solat Jumaat, surau, musolla, tanah perkuburan Islam, ruang solat awam, hentian rehat RnR, stesen minyak, pejabat dan sebagainya. Jabatan Mufti Negeri Selangor juga telah melantik Persatuan Ahli Falak Negeri Selangor (PIBK) untuk membantu masyarakat mendapatkan khidmat penentuan arah kiblat di rumah persendirian.

19

Penentuan arah kiblat adalah perkara ijтиhad dan zanni (iaitu hasil penelitian). Hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahu anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

اسْتَقِبِلُ الْقِبْلَةَ وَكَبِرُّ

20

“(Apabila kamu hendak mendirikan solat maka) hadapkanlah diri kamu ke arah kiblat dan bertakbirlah (iaitu takbiratul ihram bagi memulakan solat).”

(Riwayat al-Bukhari).

Dalam riwayat yang lain, daripada Abu Hurairah Radiallahu anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا بَيْنَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ قِبْلَةٌ

21

“Arah antara timur dan barat adalah kiblat.”

(Riwayat al-Tirmizi).



Berikut adalah beberapa perkara yang perlu diketahui berkaitan penentuan arah kiblat di negeri Selangor:

1. Bagi individu yang mendirikan solat, penentuan arah kiblat adalah diterima selagimana arah kiblat tidak berada di kiri atau di kanannya.
2. Bagi bangunan seperti masjid, surau dan tapak perkuburan, kadar selisih daripada arah kiblat sebenar hanya dibenarkan tidak melebihi 3 darjah berdasarkan kemampuan peralatan falak.
3. Bagi premis seperti masjid, surau atau rumah yang dibetulkan arah kiblatnya, solat yang telah dilakukan sebelum pembetulan dibuat tidak perlu diqada.
4. Bagi kawasan tanah perkuburan yang telah dibetulkan arah kiblatnya, jenazah yang telah dikebumikan sebelum pembetulan dibuat wajib dipalingkan semula ke arah kiblat yang betul kecuali jika jenazah sudah rosak dan berubah.

22

Mimbar mengucapkan tahniah kepada mereka yang sentiasa peka dan cakna berkaitan ibadah solat khususnya dalam penentuan arah kiblat di rumah atau di tempat kerja masing-masing. Ianya tidak lain tidak bukan, adalah untuk memastikan ibadah solat yang dilaksanakan memenuhi rukun dan syaratnya, agar ia diterima oleh Allah SWT.

23

Namun bagi mereka yang masih lalai dan mengabaikan ibadah solat dan ibadah-ibadah yang lain, maka sudah sudahlah! Cukup cukuplah! Mulakanlah hidup baru yang lebih baik. Perbaikilah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. InshaAllah hidup kita akan diberkati dan di akhirat nanti kita akan dirahmati oleh Allah SWT.

24



Bagi mengakhiri khutbah pada kali ini, khatib menyeru dan mengajak seluruh umat Islam supaya menghayati beberapa pengajaran berikut untuk dijadikan sebagai pedoman hidup kita:

1. Kita sebagai ketua keluarga, hendaklah sentiasa memahami syarat dan rukun solat seperti penentuan arah kiblat di rumah masing-masing, supaya solat yang dilaksanakan sah dan diterima oleh Allah SWT.
2. Sebagai umat Islam, kita mestilah hidup harmoni dan bersatu padu, walau berbeza fahaman politik dan latar belakang, dengan mengambil 'ibrah menghadap ke satu kiblat yang sama apabila kita solat bahkan menyembah Tuhan yang sama.
3. Jika terdapat sebarang keraguan dalam penentuan arah kiblat, sila rujuk kepada pihak yang berautoriti untuk mendapatkan pandangan bagi memastikan arah kiblat yang betul.

25

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَمِنْ حَيْثُ خَرَجْتَ فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَإِنَّهُ وَاللَّهُقُّ مِنْ رَبِّكَ^{فَ}
وَمَا أُلَّهُ بِغَافِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿١٤٩﴾

26

"Dan dari mana sahaja engkau keluar (untuk mengerjakan solat), maka hadapkanlah mukamu ke arah masjid Al-Haram (Kaabah); dan sesungguhnya perintah berkiblat ke Kaabah itu adalah benar dari Tuhanmu. Dan (ingatlah), Allah tidak sekali-kali lalai akan segala apa yang kamu lakukan."

27

(al-Baqarah: 149).



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

28

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

29



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ。 أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،

1

وأشهد أنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَصَاحْبِيهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

2

أَمَّا بَعْدُ، فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، إِتَّقُوا اللَّهَ، أَوْ صِيكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَّقُوا اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

3

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauahkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

4

إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكُتَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ

5

٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

6

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِبُّ الدَّعَوَاتِ وَبِإِيمَانِ قاضِي الْحَاجَاتِ.

7

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكُفَّارَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ
وَالْمُشْرِكَ كَثِيرٌ.

8

اللَّهُمَّ إِنَا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ
الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعْنَى عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَيَحْفَظِ
وِقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،

Q



جَلَّهُ مَلِكُنَا الْمُعَظَّمُ، سُلْطَانُ سلاْغُورُ، سُلْطَانُ شَرْفُ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الحاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَالَحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.	10
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَى وَالتَّوْفِيقَ، وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سلاْغُورِ، تَعْكُو أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفُ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ،	11
فِي أَمْنٍ وَصَالَحٍ وَعَافِيَةٍ بِمِنْكَ وَكَرِمَكَ يَا ذَالْجَلَلِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُؤْظَفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	12
Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).	16
Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah.	17



Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

18

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، إِذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَادَ
وَالْمِحَنَ، بِلْطُفْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

19

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَدُرِّيَتْنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَقِينَ إِمَاماً.
رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.

20

21

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ
فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

22